

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

HMT 401 Semantik Bahasa Malaysia

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Ada beberapa teori tentang sumber perkataan, di antaranya ialah Teori Onomatopea dan Teori Ding-Dong. Kedua-dua teori ini bersumber pada bunyi. Bezakan sumber bunyi pada kedua-dua teori tersebut dan beri masing-masing lima [5] contoh.
2. Menurut pendapat anda, manakah dahulu wujud, 'perkataan' atau 'makna'. Sila kemukakan hujah anda untuk menjelaskan perkara tersebut. Contoh yang sesuai, diperlukan.
3. Tentukan jenis hubungan makna yang terdapat di dalam ayat berikut ini dan kemukakan konsep hubungan makna tersebut.
 - [a] Pemandangan di bawah Bukit Bendera terlihat sungguh 'cantik' dan 'indah'.
 - [b] Walaupun ia 'miskin' harta tetapi 'kaya' pengetahuan.
 - [c] Pelajar itu menyapa seseorang: "'Bang', boleh tunjukkan kepada saya di mana 'bank' di kampus ini?"
 - [d] "Jika kau masih berdegil juga, aku 'sepak' kau, baru padan muka."
 - [e] Pak Amat mempunyai kebun 'bunga'. Di kebunnya terdapat bunga 'mawar', 'melati', 'melur' dan 'kemboja'.

.../2

4. Analisis ayat [a] hingga [e] daripada aspek semantik. Jika perlu, perbaiki ayat berkenaan menjadi ayat yang gramatis.

[a] Burung hinggap di ranting pokok.

[b] Matahari itu terbit di sebelah timur.

[c] Anak gajah ini ada belalai.

[d] Hujan turun di bandar pagi tadi.

[e] Kakak baru sahaja membeli 10 ekor ketam.

5. Makna perkataan tidak semestinya dapat dinyatakan di dalam bentuknya. Perkara ini telah menimbulkan kerumitan di dalam kata majmuk sama ada bentuk dua perkataan ditulis bergabung atau terpisah, seperti: 'matahari' atau 'mata hari'. Sila kemukakan pendapat anda disertai contoh yang mencukupi.

6. Apakah maksud yang ingin disampaikan oleh syarikat Coca-Cola dengan iklan papan tanda seperti yang berikut ini.

SELESA DI GENGAMAN, MUDAH DITAWAN

Beri ulasan dan cadangan perkataan yang sesuai dengan tidak menyimpang daripada sudut semantiknyanya.

-ooo000ooo-